



JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (2) November 2022 (038-051)

Strategi Retorik dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Membendung Wabak Covid-19 di Malaysia

¹Muhammad Faizul Abd Hamid, ²Mohd Azidan Abdul Jabar, ³Rozita Che Rodi
& ⁴Adlina Ab. Halim

¹reach.faizul@gmail.com, ²azid@upm.edu.my, ³ita_cherodi@upm.edu.my
& ⁴adlina@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

Tarikh terima : 29 September 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 10 Oktober 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2022
Published online

Abstrak

Kejayaan sesuatu ucapan bergantung pada kata-kata yang mampu mempengaruhi pendengar. Oleh itu, kajian ini mengemukakan analisis tentang penggunaan retorik sebagai satu strategi penyampaian ucapan yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan dua situasi yang berbeza. Teks perutusan khas yang dijadikan data kajian telah dimuat turun menerusi laman sesawang Pejabat Perdana Menteri (PMO) - <https://www.pmo.gov.my/speech/>. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif telah diterapkan bersama strategi retorik yang dipetik daripada Idris Aman (2006). Hasil kajian mendapati bahawa penutur telah memanfaatkan empat daripada lima strategi retorik yang disarankan, iaitu ekspositori, eksplanatori, argumentatif dan ekspresif. Berdasarkan perbandingan antara teks perutusan pertama dengan teks perutusan kedua, penggunaan keempat-empat strategi retorik dalam teks perutusan kedua lebih tinggi berbanding dengan teks perutusan pertama. Namun begitu, berdasarkan perbandingan antara keempat-empat strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan pertama, ekspositori (54.17%) digunakan secara dominan berbanding dengan eksplanatori (20.83%) untuk memaklumkan segala maklumat kepada pendengar. Berdasarkan perbandingan antara keempat-empat strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan kedua pula, eksplanatori (45.10%) lebih banyak digunakan berbanding dengan ekspositori (29.41%) untuk meyakinkan pendengar tentang tindakan yang diambil oleh kerajaan. Perbezaan ini disebabkan oleh situasi semasa penularan wabak COVID-19 yang dialami pada ketika itu. Perbezaan ini membuktikan bahawa situasi semasa yang dialami mempunyai kesan terhadap penggunaan strategi retorik tertentu. Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pemimpin politik untuk merangka teks ucapannya, lebih-lebih lagi ketika menguruskan krisis kesihatan sedunia.

Kata kunci: COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), strategi retorik, teks perutusan khas

Rhetorical Strategies in The Movement Control Order (MCO) Speech Texts to Contain The COVID-19 Outbreak in Malaysia

Abstract

The success of a speech depends on the words that can influence the listener. In this regard, this study presents an analysis of the use of rhetoric as an effective speech delivery strategy. This study aims to identify and describe the rhetorical strategies used in the special message text of the Movement Control Order based on two different

situations. The text of the special message used as the study data was downloaded through the website of the Prime Minister's Office (PMO) - <https://www.pmo.gov.my/speech/>. Quantitative and qualitative approaches have been applied along with the rhetorical strategies quoted from Idris (2006). The results of the study found that the speakers had utilized four of the five suggested rhetorical strategies, namely expository, explanatory, argumentative and expressive. Based on the comparison between the first speech text and the second speech text, the use of all four rhetorical strategies in the second speech text is higher compared to the first speech text. However, based on a comparison between the four rhetorical strategies used in the first speech text, expository (54.17%) was used dominantly compared to explanatory (20.83%) to convey all information to the listener. Based on the comparison between the four rhetorical strategies used in the second speech text, explanatory (45.10%) was used more than expository (29.41%) to convince listeners about the action taken by the government. This difference is due to the current situation of COVID-19 pandemic transmission experienced at that time. This difference also prove that the current situation experienced has an impact on the use of certain rhetorical strategies. This study can be used as a reference for political leaders to draft their speeches, especially when managing the global health crisis.

Keywords: COVID-19, Movement Control Order (MCO), rhetorical strategies, special message speech texts

1. Pengenalan

Kes jangkitan wabak COVID-19 yang melibatkan warganegara Malaysia pertama kali dikesan pada 4 Februari 2020 (Ain Umaira Md Shah et al., 2020). Kemudian, kes jangkitan wabak COVID-19 di Malaysia meningkat secara mendadak pada 14 Mac 2020. Kes jangkitan yang semakin meningkat ini telah mendorong kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (selepas ini disebut PKP). Semasa pelaksanaan PKP, terdapat pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi oleh orang awam (Ertimi et al., 2022). Misalnya, orang awam perlu membatalkan perjalanan ke luar dan dalam negara. Orang awam juga tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial, sukan dan banyak lagi. Untuk memaklumkan dan memahami orang awam tentang perintah ini, kerajaan telah menggunakan teks perutusan khas sebagai perantara (Maisarah Ahmad Kamil & Fatin Fatinah Shamshul Bahrn, 2020). Menurut Sara Beden (2020), perutusan khas ialah ucapan rasmi yang diutuskan dengan segeranya. Hal ini dikatakan demikian kerana ucapan ini melibatkan perkara yang penting dan harus dimaklumkan dengan cepatnya untuk tindakan lanjut pihak yang terlibat.

Dalam konteks penyampaian ucapan, penutur perlu menggunakan bahasa yang berkesan agar segala perkara yang dikatakan dapat mempengaruhi pendengar. Dalam hal ini, Carreon dan Svetanant (2017) menyatakan bahawa pemilihan bahasa bergantung pada kedudukan penutur dengan pendengar, keadaan semasa dan niat penutur ketika berucap. Polyakova et al. (2020) turut menegaskan bahawa bahasa sering dimanipulasi untuk tujuan tertentu. Salah satu cara manipulasi bahasa dalam ucapan ialah penggunaan strategi retorik. Menurut Martin (2016), strategi retorik yang digunakan oleh pemimpin politik memainkan peranan penting kerana kejayaan sesuatu ucapan politik bergantung pada kata-kata yang meyakinkan. Atas dasar tersebut, makalah ini ingin meneliti dua teks perutusan PKP dalam dua konteks yang berbeza, iaitu pada waktu kes jangkitan wabak COVID-19 mula menular dan pada waktu kes jangkitan wabak COVID-19 kembali meningkat. Teks perutusan khas PKP yang pertama telah disampaikan pada 16 Mac 2020. Pelaksanaan PKP pertama ini telah berjaya mengurangkan penularan wabak COVID-19 (Tang, 2022).

Walau bagaimanapun, kes jangkitan wabak COVID-19 kembali menular pada awal tahun 2021 (Jamal Hisham Hashim et al., 2021). Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan PKP yang kedua pada 13 Januari 2021. Perutusan yang berkaitan dengan perintah ini telah disampaikan pada 11 Januari 2021. Dengan mengambil kira kedua-dua teks perutusan ini, timbul persoalan tentang strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri untuk mempengaruhi rakyatnya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai tanggapan tentang pelaksanaan perintah ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Nur Hafizah Yusoff dan Muhammad Ridhwan Sarifin (2021), sebanyak 94.2% daripada 959 responden menginginkan perintah ini terus dilaksanakan sehingga penularan wabak COVID-19 benar-benar hilang. Namun begitu, terdapat juga responden yang tidak mahu perintah ini dilaksanakan kerana

beberapa faktor seperti takut kehilangan sumber pendapatan, berasa tertekan dan sebagainya. Terdapat juga responden yang menginginkan kerajaan memberikan sedikit kelonggaran. Oleh itu, teks perutusan perlu disampaikan dengan berhati-hati untuk mengawal keadaan.

Menurut Enos dan Brown (1993), penggunaan strategi retorik dalam lisan atau tulisan disengajakan dengan tujuan yang lebih mendalam seperti untuk menghaluskan makna, menajamkan rasa dan mempengaruhi khalayak. Muhammad Mazlan Abu Bakar dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) pula menyatakan bahawa retorik ialah strategi berbahasa yang tertumpu pada aspek keberkesanan. Aminuddin Mansor (2022) pula menegaskan bahawa retorik melibatkan strategi penyampaian idea yang menarik dan berkesan. Penyampaian ini bertujuan untuk memujuk, mempengaruhi dan meyakinkan seseorang. Oleh itu, penggunaan bahasa mestilah senang difahami oleh pendengar atau pembaca. Menurut Zulkifley Hamid et al. (2015), retorik amat penting untuk menzhahirkan buah fikiran, pandangan, saranan atau perasaan. Dalam erti kata lain, strategi retorik memainkan peranan penting untuk mendukung sesuatu fungsi bahasa. Awang Sariyan (2006) pula menyatakan bahawa strategi retorik melibatkan keterampilan atau kepakaran seseorang dalam usaha menyampaikan sesuatu kepada khalayak sasaran. Ketiadaan strategi retorik akan mencerminkan ujaran yang mendarat.

2. Kajian Lepas

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas dari dua sudut. Pertama, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan wabak COVID-19 dalam ruang lingkup linguistik. Kedua, kajian lepas dalam bidang retorik yang melibatkan ucapan pemimpin. Dari sudut kajian lepas yang pertama, Nor Diyana Saupi et al. (2022) telah meneliti kaedah pembentukan istilah yang berkaitan dengan wabak COVID-19. Media sosial Twitter Dewan Bahasa dan Pustaka telah dimanfaatkan sebagai data kajian. Sewaktu wabak COVID-19 menular di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan penting dalam usaha mewara-warakan penggunaan istilah yang melibatkan wabak COVID-19 dalam bahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa wabak COVID-19 telah membuka ruang kepada pembentukan istilah baharu di Malaysia. Kemunculan wabak COVID-19 juga telah membuka ruang kepada pembentukan istilah baharu dalam bahasa Jerman (Kuße, 2021) dan bahasa Inggeris (Al-Salman & Haider, 2021). Menurut Kuße (2021), wabak COVID-19 telah memperkaya perbendaharaan kata. Al-Salman dan Haider (2021) turut menyatakan bahawa pembentukan istilah baharu telah menyebabkan bahasa terus berkembang selari dengan peredaran zaman.

Kemunculan wabak COVID-19 juga telah meningkatkan penggunaan metafora peperangan dalam teks ucapan pemimpin negara dan media berita di Perancis (Combes, 2020), Sepanyol (Rico & Herrero, 2020), dan United Kingdom (Tisdall, 2020). Menurut Olimat (2020), bekas Presiden Amerika Syarikat, iaitu Donald Trump memanfaatkan metafora peperangan untuk menaikkan semangat rakyatnya ketika berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Hasil yang sama juga ditemui dalam kajian Rajandran (2020) apabila Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Singapura memanfaatkan metafora peperangan untuk meletakkan rakyat mereka dalam keadaan yang ‘diancam’. Keadaan ‘diancam’ ini akan membuatkan pendengar berasa takut dan sekali gus melindungi diri mereka. Kemudian, Maisarah Ahmad Kamil dan Fatin Fatinah Shamshul Bahrn (2020) telah menganalisis lakuan pertuturan dalam teks perutusan khas yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Kajian ini mendedahkan bahawa Perdana Menteri Malaysia banyak menggunakan lakuan pertuturan arahan. Dapatan yang sama turut ditemukan dalam kajian El-Dakhs (2021) yang meneliti penggunaan lakuan pertuturan oleh kerajaan Australia dan Arab Saudi untuk memaklumkan maklumat tentang wabak COVID-19 menerusi media sosial Twitter.

Kajian El-Dakhs (2021) mendapati bahawa kerajaan Australia dan Arab Saudi banyak menggunakan lakuan pertuturan arahan bercirikan nasihat. Namun begitu, kajian lakuan pertuturan dalam ucapan Presiden Amerika Syarikat yang baharu, iaitu Joe Biden, menunjukkan penggunaan lakuan pertuturan pengumuman paling tinggi (Ahmed et al., 2021). Begitu juga dengan ucapan Perdana Menteri United Kingdom, Boris Johnson (Rahayu & El Fauziah, 2021). Zulfadzlee Zulkiflee (2022) pula telah mengkaji ragam bahasa menerusi komen-komen warganegara Brunei yang berkaitan dengan

berita palsu tentang sekatan pergerakan menerusi media sosial Instagram Kementerian Kesihatan Brunei. Hasil kajian menunjukkan bahawa ragam bahasa sindiran paling kerap digunakan. Penggunaan ragam bahasa ini telah mencerminkan niat seseorang ketika menyampaikan kata-kata. Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kajian linguistik yang melibatkan wabak COVID-19 telah mendapat perhatian pengkaji-pengkaji terdahulu dengan fokus dan tujuan kajian yang berbeza-beza. Keadaan ini turut memberikan persepsi bahawa wabak COVID-19 perlu diselidiki daripada sudut linguistik dengan fokus atau tujuan yang pelbagai.

Dari sudut kajian lepas yang kedua, Alkhawaldeh (2021) meneliti gaya retorik yang digunakan oleh pemimpin sewaktu penularan wabak COVID-19 di Jordan. Oleh itu, Alkhawaldeh (2021) telah memanfaatkan temu bual yang disampaikan oleh pemimpin menerusi radio dan televisyen sebagai data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat enam gaya retorik yang digunakan, iaitu metafora, pengulangan, puji diri, kata ganti nama diri “we” (“kita”), amaran dan petikan agama. Menurut Alkhawaldeh (2021), keenam-enam gaya retorik ini sebenarnya dibina untuk memujuk dan bukannya untuk memberitahu warganegara Jordan tentang usaha kerajaan untuk memerangi wabak COVID-19. Berbeza dengan kajian Alkhawaldeh (2021), Iqbal et al., (2021) telah meneliti strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri Pakistan, iaitu Imran Khan. Berdasarkan hasil kajian, Iqbal et al. (2021) mendapati bahawa Imran Khan lebih banyak menggunakan strategi retorik penghujahan. Misalnya, pemanfaatan ungkapan “*the only cure*” (satu-satunya penawar) bertujuan untuk menegaskan bahawa kuarantin diri merupakan satu-satunya langkah yang ada untuk membebaskan diri daripada virus COVID-19.

Seterusnya, Sara Beden (2020) telah meneliti strategi retorik yang digunakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Muhyiddin Yassin dalam teks keputusan khas Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat. Berdasarkan penelitian, Sara Beden (2020) mendapati bahawa Perdana Menteri Malaysia telah menggunakan dua jenis strategi retorik, iaitu pemujukan dan pemerian. Strategi pemujukan dapat dilihat melalui penggunaan kata “*tolonglah*”. Penggunaan kata “*tolonglah*” telah mencerminkan kerendahan hati seorang pemimpin untuk memujuk dan memohon rakyat untuk menyokong usaha kerajaan. Penggunaan strategi pemerian pula boleh dilihat menerusi pemerihalan situasi keluarga Mak Cik Kiah yang bersifat realistik sehingga mampu mencetuskan imaginasi khalayak. Kemudian, Muhammad Faizul Abd Hamid dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2020) pula muncul dengan kajian penggunaan strategi retorik dalam teks belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Menurut Muhammad Faizul Abd Hamid dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2020), penggunaan strategi retorik dalam teks belanjawan bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan belanjawan semata-mata, tetapi turut berperanan untuk menambat hati rakyat.

Di samping itu, Jaradat (2022) pula telah membandingkan penggunaan strategi retorik yang digunakan oleh dua bekas presiden Amerika Syarikat, iaitu Bell Clinton dan Barack Obama sewaktu menyampaikan ucapan pencalonan presiden Amerika Syarikat. Menurut Jaradat (2022), strategi retorik yang digunakan oleh kedua-dua bekas presiden ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Kajian Jaradat (2022) memberikan implikasi bahawa keunikan strategi retorik ini menjadi salah satu faktor mereka dipilih sebagai presiden. Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang meneliti penggunaan retorik oleh pemimpin negara, fokus kajian dilihat berbeza mengikut tujuan kajian masing-masing. Penggunaan retorik yang lebih menyeluruh perlu diberikan perhatian, khususnya strategi retorik yang digunakan oleh Perdana Menteri dalam dua teks keputusan khas PKP untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19, seseorang pemimpin perlu bijak memilih dan menyusun ayat supaya setiap maklumat dan arahan yang disampaikan dapat difahami oleh rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat mempunyai pelbagai tanggapan terhadap situasi semasa penularan wabak COVID-19. Tanggapan ini mungkin akan mempengaruhi tahap penerimaan mereka terhadap arahan yang terkandung dalam teks keputusan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas PKP.
2. Menghuraikan setiap jenis strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas PKP.

3. Metodologi Kajian


Kajian ini memanfaatkan dua pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan setiap jenis strategi retorik yang digunakan. Dalam pendekatan kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan bertujuan untuk menghuraikan penggunaan setiap jenis strategi retorik yang terdapat dalam teks perutusan. Dalam usaha mencapai objektif kajian, pengkaji turut memanfaatkan dua jenis teks perutusan khas PKP. Teks perutusan khas PKP yang pertama merupakan teks yang disampaikan pada 16 Mac 2020. Teks perutusan ini mempunyai 929 patah perkataan dan 24 perenggan. Teks perutusan khas ini telah disampaikan kepada rakyat sebagai maklumat tentang pelaksanaan PKP untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Teks perutusan khas PKP yang kedua merupakan teks yang disampaikan pada 11 Januari 2021. Teks perutusan ini mempunyai 2530 patah perkataan dan 51 perenggan, iaitu lebih panjang daripada teks perutusan khas yang pertama. Teks perutusan khas ini telah disampaikan sekali lagi kepada rakyat sebagai maklumat tentang pelaksanaan PKP untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia yang kembali meningkat. Kedua-dua teks perutusan khas ini telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan, iaitu Muhyiddin Mohd Yassin. Teks perutusan khas ini telah dimuat turun oleh pengkaji melalui laman web rasmi Pejabat Perdana Menteri – <https://www.pmo.gov.my/speech/>.

Setiap teks perutusan khas yang dijadikan data kajian akan ditanda dengan sistem pengekodan. Menurut Leavy (2014), pengekodan merujuk sistem rujukan yang diberikan kepada data kajian. Pengekodan mampu memudahkan proses analisis kepada pengkaji dan memudahkan pembacaan pembaca (Muhammad Faizul Abd Hamid et al., 2019). Oleh itu, semua teks perutusan khas yang diteliti akan ditanda dengan sistem rujukan yang mengandungi maklumat seperti jenis teks perutusan, kedudukan perenggan dan ayat dalam teks perutusan khas serta ayat, frasa atau kata yang mewakili setiap jenis strategi retorik. Contoh pengekodan adalah seperti berikut:

A.19. (a) *Saya merayu* kepada saudara dan saudari agar sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini. **(b)** Ini adalah tanggungjawab kita bersama yang mesti kita laksanakan sebagai rakyat yang prihatin terhadap keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita.

Berdasarkan perenggan di atas, abjad berhuruf besar **A** merujuk teks perutusan khas PKP yang pertama. Teks perutusan khas PKP yang kedua akan ditanda dengan abjad berhuruf besar **B**. Nombor **19** pula merujuk kedudukan perenggan dalam teks perutusan khas tersebut, iaitu perenggan ke-19. Abjad berhuruf kecil yang berada dalam kurungan seperti **(a)** dan **(b)** merujuk kedudukan ayat dalam perenggan berkenaan, iaitu ayat pertama dan kedua. Frasa “***Saya merayu***” yang dimiringkan merujuk frasa yang mewakili jenis strategi retorik yang bercirikan pemujukan.

Kedua-dua teks perutusan khas yang dijadikan data kajian juga akan dianalisis dengan menggunakan strategi retorik yang dipetik daripada Idris Aman (2006). Idris Aman (2006) telah membahagikan strategi retorik kepada lima jenis. Rajah 1 di bawah menunjukkan strategi retorik yang dipetik daripada Idris Aman (2006).



Rajah 1 Strategi Retorik yang Dipetik daripada Idris Aman (2006)

Menurut Idris Aman (2006), strategi retorik merujuk usaha penghasilan teks yang menggabungkan beberapa jenis wacana, genre atau gaya. Dalam erti kata lain, strategi retorik merupakan campuran pelbagai teks dalam usaha menghasilkan teks semasa. Strategi retorik juga boleh dianggap sebagai keberjalinan beberapa jenis wacana. Kolaborasi strategi retorik yang pelbagai dapat memberikan kesan tertentu kepada teks yang dikarang. Retorik boleh terdiri daripada beberapa strategi, iaitu ekspositori, eksplanatori, ekspresif dan argumentatif (Idris Aman, 2006). Strategi ekspositori merupakan huraian atau paparan tentang sesuatu perkara dengan tujuan untuk memberikan maklumat. Strategi eksplanatori pula merupakan lanjutan daripada jenis wacana ekspositori kerana eksplanatori bukan sekadar melaporkan 'apa', 'siapa', 'bila' dan 'bagaimana', malah turut menuntut penjelasan 'mengapa'. Strategi argumentatif ialah wacana yang memberikan sokongan atau tentangan kepada sesuatu perkara yang dikatakan secara rasional. Retorik ekspresif merujuk tindakan mengutarakan maksud, perasaan dan gagasan. Strategi naratif merupakan suatu bentuk tulisan atau lisan yang memberikan perhatian kepada aspek penceritaan tentang sesuatu peristiwa secara objektif atau imaginasi.

4. Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap kedua-dua teks perutusan khas PKP, penutur telah memanfaatkan empat daripada lima strategi retorik yang disarankan oleh Idris Aman (2006) iaitu ekspositori, eksplanatori, ekspresif dan argumentatif. Kekerapan penggunaan keempat-empat strategi retorik ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Strategi Retorik dalam Teks Perutusan Khas A dan B

Strategi Retorik	Teks A	Teks B
Ekspositori	13 (54.17%)	15 (29.41%)
Eksplanatori	5 (20.83%)	23 (45.10%)
Ekspresif	4 (16.67%)	7 (13.73%)
Argumentatif	2 (8.33%)	6 (11.76%)
Jumlah keseluruhan	24 (100%)	51 (100%)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, penutur telah menggunakan strategi retorik sebanyak 24 kali dalam teks perutusan khas A dan menggunakan strategi retorik sebanyak 51 kali dalam teks perutusan khas B. Berdasarkan perbandingan terhadap strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas A, strategi retorik ekspositori merekodkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 13 kali (54.17%), manakala strategi retorik eksplanatori mencatatkan kekerapan penggunaan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 5 kali (20.83%). Strategi retorik ekspresif mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 4 kali (16.67%). Strategi retorik argumentatif pula menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu sebanyak 2 kali (8.33%). Berdasarkan perbandingan terhadap keempat-empat strategi retorik yang digunakan dalam teks perutusan khas B pula, strategi retorik eksplanatori merekodkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 23 kali (45.10%), manakala strategi retorik ekspositori mencatatkan kekerapan penggunaan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 15 kali (29.41%). Strategi retorik ekspresif mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 7 kali (13.73%). Strategi retorik argumentatif pula menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling rendah, iaitu

sebanyak 6 kali (11.76%). Huraian lanjut bagi penggunaan setiap jenis strategi retorik ini adalah seperti di bawah.

Ekspositori

Strategi retorik ekspositori merupakan retorik yang mengandungi huraian tentang sesuatu perkara dengan tujuan untuk memberikan maklumat kepada pendengar semata-mata (Idris Aman, 2006). Berdasarkan penelitian, strategi retorik ekspositori digunakan oleh penutur untuk menyampaikan pelbagai maklumat yang bersangkutan paut dengan wabak COVID-19 kepada rakyat. Strategi retorik ini juga digunakan dengan tiga teknik, iaitu statistik, tempoh dan klasifikasi (Idris Aman, 2006). Perenggan di bawah menunjukkan beberapa contoh penggunaan strategi retorik ekspositori berserta huraianya.

1. **A.4. (a)** Di Malaysia, telah berlaku peningkatan kes COVID-19 secara mendadak, iaitu **190 kes semalam**, disusuli **125 kes baharu hari ini**, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti wabak ini adalah sebanyak **553 orang**. **(b)** Daripada jumlah tersebut, seramai **511 orang** sedang dirawat di hospital, manakala **42 orang** telah pun pulih.
2. **B.23. (a)** Untuk itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk **tempoh 14 hari** bermula **jam 12.01 tengah malam**, Rabu, **13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021**. **(b)** Perintah ini melibatkan tiga peringkat pelaksanaan seperti berikut:
3. **B.27. (a)** *Bagi sektor ekonomi*, Kerajaan telah mengenal pasti lima (5) sektor yang dibenarkan beroperasi dan dikategorikan sebagai sektor ekonomi perlu (*Essential economic sector*) iaitu pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran, serta perladangan dan komoditi.

Data 1 menunjukkan retorik ekspositori statistik. Statistik berfungsi untuk menerangkan ciri-ciri sampel dalam bentuk angka (Bashah Abu Bakar, 2007). Misalnya, penutur telah memaklumkan bahawa kes jangkitan wabak COVID-19 di Malaysia semakin meningkat. Pada waktu teks perutusan khas tersebut disampaikan kepada pendengar, penutur memaklumkan bahawa 553 orang telah dijangkiti wabak COVID-19. Sebanyak 190 kes telah direkodkan pada malam semalam, manakala bakinya baru dicatatkan pada hari tersebut. Menurut penutur lagi, seramai 511 orang daripada 553 orang sedang mendapatkan rawatan di hospital, manakala selebihnya telah sembuh. Untuk memaklumkan jumlah statistik, penutur telah memanfaatkan frasa bilangan “**190 kes**”, “**123 kes**”, “**533 orang**”, “**511 orang**” dan “**42 orang**” dalam ayat (a) dan (b), masing-masingnya. Dengan adanya ekspositori yang bersifat statistik, pendengar dapat mengetahui ukuran atau trend semasa kes jangkitan wabak COVID-19.

Data 2 menunjukkan retorik ekspositori tempoh. Retorik ekspositori tempoh ialah makluman yang melibatkan kronologi masa sesuatu perkara atau peristiwa (Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar, 2020). Misalnya, pada data 2, penutur telah memaklumkan tempoh pelaksanaan PKP yang kedua kepada rakyat. Menurut penutur, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan PKP yang kedua selama 14 hari. Oleh itu, penutur telah memaklumkan tempoh-tempoh yang terlibat dengan lebih terperinci agar dapat difahami pendengar. Menurut penutur, perintah ini akan bermula pada jam 12.01 tengah malam, dari 13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021. Penutur telah memanfaatkan frasa adverba waktu yang bermula dengan “**tempoh 14 hari**”, kemudian, “**bermula jam 12.01 tengah malam**”, dan diakhiri dengan, “**13 Januari 2021 sehingga 26 Januari 2021**” untuk memaklumkan kronologi pelaksanaan perintah berkenaan.

Data 3 menunjukkan retorik ekspositori klasifikasi. Retorik ekspositori ciri ini biasanya dihasilkan mengikut sesuatu bidang atau sudut pandangan (Radiman Junaidi, 2012). Dalam usaha menghasilkan ekspositori ciri ini, frasa adverba bidang kerap dimanfaatkan pada awal ayat. Misalnya, pada data 3, penutur telah menggunakan frasa adverba bidang “**Bagi sektor ekonomi**” pada awal ayat (a). Dengan menggunakan frasa adverba bidang ini, pewacana ingin memaklumkan bahawa lima

sektor ekonomi dibenarkan beroperasi sewaktu pelaksanaan PKP yang kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana sektor ini merupakan sektor ekonomi perlu. Sektor ekonomi yang terlibat ialah pengilangan dan pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan dan pengedaran serta perladangan dan komoditi. Dengan menggunakan frasa adverbs bidang pada awal ayat, penutir sebenarnya telah memfokuskan perhatian pendengar kepada perkara yang berkaitan sahaja.

Eksplanatori

Strategi retorik yang bersifat eksplanatori merupakan strategi yang berfungsi untuk menerangkan sesuatu perkara dengan mendalamnya. Strategi retorik eksplanatori merupakan lanjutan daripada strategi retorik ekspositori (Idris Aman, 2006). Hal ini dikatakan demikian kerana strategi retorik eksplanatori bukan sekadar berperanan untuk menjawab persoalan ‘apa’, ‘siapa’, ‘bila’ dan ‘bagaimana’, malah turut menuntut penjelasan ‘mengapa’. Strategi ini digunakan oleh penutir untuk menyampaikan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan wabak COVID-19 dengan lebih terperinci agar dapat difahami pendengar. Strategi retorik ini juga digunakan dengan tiga teknik, iaitu sebab-akibat, bandingan dan eksplanatori incian (Idris Aman, 2006). Perenggan di bawah menunjukkan beberapa contoh penggunaan strategi retorik eksplanatori berserta huraian.

4. **B37. (a)** Saya juga sedar bahawa pengasingan diri untuk satu tempoh yang lama boleh memberikan tekanan terhadap kesihatan mental. **(b) Oleh itu**, bagi memastikan kesihatan minda dan fizikal yang berterusan, anda dibenarkan meninggalkan rumah untuk beriadah dengan anggota isi rumah sahaja.
5. **A.7. (a) Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. (b)** Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. **(c)** Khusus untuk umat Islam, penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk Solat Jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020.
6. **B3. (a)** Di dalam gelombang ketiga ini yang bermula pada 20 September 2020, sejumlah 476 kluster baharu dilaporkan sehingga 10 Januari 2021 melibatkan 259 kluster (54.41%) tempat kerja. **(b)** Data ini menunjukkan peningkatan ketara bilangan kluster baharu di dalam gelombang ketiga **berbanding** 110 kluster baharu yang direkodkan semasa gelombang kedua dengan 25 kluster (22.72%) melibatkan tempat kerja.

Data 4 menunjukkan retorik eksplanatori sebab-akibat. Retorik eksplanatori jenis ini berfungsi untuk menerangkan punca atau alasan berlakunya sesuatu perkara dan kesannya (Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar, 2020). Lazimnya, retorik eksplanatori jenis ini digunakan dalam dua ayat yang berbeza. Misalnya, ayat pertama berperanan untuk menunjukkan sebab dan ayat berikutnya merujuk kesan daripada sebab tersebut. Misalnya, pada data 4, penutir telah menggunakan penanda wacana sebab-musabab “**oleh itu**” dalam ayat (b) untuk menerangkan kesan daripada sebab yang diusulkan dalam ayat sebelumnya, iaitu ayat (a). Secara jelas, dalam ayat (b), penutir menerangkan bahawa setiap individu dibenarkan untuk beriadah dengan anggota isi rumah. Kebenaran ini diberikan kepada rakyat atas kesedaran penutir yang dinyatakan dalam ayat sebelumnya, iaitu ayat (a). Ringkasnya, kebenaran ini diberikan kerana pengasingan diri yang terlalu lama boleh menjejaskan kesihatan mental.

Data 5 menunjukkan retorik eksplanatori incian. Retorik eksplanatori ciri ini merujuk penjelasan yang memberikan tumpuan pada perkara pokok sebagai topik perbincangan (Idris Aman, 2001). Dari segi struktur, retorik eksplanatori ciri ini meletakkan idea utama dalam ayat pertama sesebuah perenggan untuk menunjukkan keseluruhan idea maklumat. Kemudian, idea utama ini akan

diterangkan dengan lebih lanjut dalam ayat-ayat yang seterusnya. Misalnya, ayat (a) yang terdapat pada data 3, iaitu “**Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.**” merupakan idea utama tentang larangan menyeluruh aktiviti yang melibatkan orang ramai. Ayat (b) dan (c) pula ialah ayat yang menyokong idea utama. Kedua-dua ayat ini mengandungi maklumat tentang aktiviti orang ramai yang tidak dibenarkan sewaktu pelaksanaan PKP yang pertama.

Data 6 menunjukkan retorik eksplanatori bandingan. Retorik penerangan ciri ini merujuk penjelasan yang membandingkan sesuatu perkara atau peristiwa dengan perkara atau peristiwa yang lain (Mohamad Fitri Mohamad Yusoff, 2015). Misalnya, pada data 6, penutur telah menggunakan kata “**berbanding**” dalam ayat (b) untuk membandingkan peningkatan jumlah kluster tempat kerja yang dijangkiti wabak COVID-19 dalam dua peristiwa. Menurut penutur, sewaktu gelombang jangkitan wabak COVID-19 yang pertama, sebanyak 110 kluster telah direkodkan. Sebanyak 25 orang daripada jumlah ini merupakan individu yang dijangkiti di tempat kerja. Namun begitu, sewaktu gelombang jangkitan wabak COVID-19 yang kedua, sebanyak 476 kluster baharu telah direkodkan. Sebanyak 259 orang daripada jumlah ini merupakan individu yang dijangkiti di tempat kerja. Dengan membandingkan sesuatu perkara atau peristiwa, maklumat yang ingin diterangkan akan lebih mudah diterima dan difahami oleh rakyat.

Argumentatif

Strategi retorik argumentatif merujuk pendapat atau hujah yang logik dan objektif berdasarkan pembuktian dan kebenaran (Idris Aman, 2006). Hal ini bermakna, pembuktian merupakan syarat penting dalam usaha memberikan hujah agar sifat ilmiahnya terpelihara. Retorik argumentatif berfungsi untuk menunjukkan kebenaran terhadap pendapat yang dikemukakan, sama ada menyokong atau menentang. Berdasarkan penelitian terhadap teks keputusan khas PKP, retorik argumentatif digunakan oleh penutur untuk mempertahankan pendapatnya yang bersangkut paut dengan wabak COVID-19. Strategi retorik ini juga digunakan dengan tiga teknik, iaitu argumentatif fakta, argumentatif syarat dan pengandaian serta argumentatif dengan ayat topik perihai (Idris Aman, 2001). Perenggan di bawah menunjukkan beberapa contoh penggunaan strategi retorik argumentatif berserta huraianya.

7. **B.22. (a)** Justeru, **berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta pelbagai Kementerian dan Agensi serta nasihat pakar-pakar kesihatan awam di dalam negara**, Kerajaan bersetuju dengan pandangan bahawa satu tindakan yang tegas perlu diambil untuk memutuskan rantai jangkitan penularan virus COVID-19.
8. **B.16. (a)** Kita semua adalah frontliners yang berada di barisan paling hadapan untuk memerangi dan mencegah wabak ini. **(b) Saya percaya jika kita semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam mencegah wabak COVID-19, negara kita akan berjaya untuk bebas daripada wabak ini dengan lebih cepat.**
9. **A.5. (a)** Kerajaan memandang serius situasi semasa ancaman virus berbahaya ini terutama perkembangan gelombang kedua. **(b)** Keutamaan Kerajaan pada masa ini **adalah** untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. **(c)** Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin.

Data 7 menunjukkan retorik argumentatif fakta. Argumentatif fakta ialah hujahan yang menyatakan pandangan berdasarkan sesuatu maklumat yang boleh dibuktikan (Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar, 2020). Misalnya, pada data 7, penutur telah menyatakan bahawa kerajaan bersetuju untuk mengambil tindakan yang tegas. Tindakan yang tegas ini bertujuan untuk membendung wabak COVID-19 yang kembali menular atas beberapa faktor. Tindakan yang tegas ini tidak dibuat sewenang-wenangnya oleh penutur sendiri, tetapi dibuat berdasarkan penilaian risiko daripada beberapa entiti yang berautoriti, seperti kementerian-kementerian kerajaan, pakar-pakar dalam

bidang kesihatan awam dan badan pertahanan negara. Hujahan fakta ini boleh dikenal pasti menerusi ayat (a), iaitu **“berdasarkan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta pelbagai Kementerian dan Agensi serta nasihat pakar-pakar kesihatan awam di dalam negara”**.

Data 8 menunjukkan retorik argumentatif syarat dan pengandaian. Argumentatif jenis ini merupakan hujahan yang dibuat berdasarkan pengalaman lampau serta pemikiran logik (Radiman Junaidi, 2012). Berdasarkan data 8, penghujahan jenis ini boleh dikenal pasti menerusi klausa syarat **“Saya percaya jika kita semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam mencegah wabak COVID-19”** dan klausa andaian **“negara kita akan berjaya untuk bebas daripada wabak ini dengan lebih cepat.”** dalam ayat (b). Dalam ayat ini, penutur menyatakan bahawa wabak COVID-19 akan berjaya dibendung dengan lebih cepat sekiranya semua orang memainkan peranan masing-masing. Memandangkan hujahan ini disampaikan dalam teks perutusan khas PKP B, maka penggunaan hujahan jenis ini dilihat wajar. Hal ini dikatakan demikian kerana hujahan ini mungkin dibuat berdasarkan pengalaman dan pemikiran logiknya ketika mengendalikannya PKP yang pertama.

Data 9 menunjukkan retorik argumentatif dengan ayat topik perihai. Argumentatif jenis ini dihasilkan dengan menggunakan kata pemerihai seperti ‘ialah’ dan ‘adalah’. Menurut Abdullah Hassan (2006), kata pemerihai memainkan peranan penting untuk menjadi pemerihai dan memberikan huraian tentang sesuatu yang disebut dalam subjek ayat. Misalnya, pada data 9, penutur telah menggunakan kata pemerihai **“adalah”** dalam ayat (b) untuk menegaskan tujuan utama tindakan yang diambil oleh kerajaan pada ketika itu. Menurut penutur, PKP yang dilaksanakan adalah untuk membendung wabak COVID-19 yang baru sahaja menular di negara ini. Wabak COVID-19 ini dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. Oleh itu, tindakan drastik seperti melaksanakan PKP penting untuk memulihkan keadaan secepat mungkin. Penekanan terhadap **“Keutamaan Kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini”** ialah satu hujahan yang bertujuan untuk meyakinkan rakyat tentang tindakan yang diambil oleh kerajaan.

Ekspresif

Strategi retorik yang bersifat ekspresif digunakan untuk mengutarakan maksud, perasaan, gagasan dan sebagainya. Strategi retorik jenis ini merupakan ujaran yang digunakan untuk menzahirkan keadaan emosi penutur (Idris Aman, 2006). Secara jelas, strategi retorik yang bersifat ekspresif merupakan hasil pelahiran psikologi seseorang mengenai sesuatu keadaan. Strategi retorik jenis ini sangat mementingkan kehalusan berbahasa dan mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek psikologi (Nor Azuwan Yaakob et al., 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang halus dikatakan dapat menambat hati seseorang. Berdasarkan penelitian terhadap teks perutusan khas PKP, strategi ini sering digunakan oleh penutur untuk mengajak pendengar menyokong langkah-langkah kerajaan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19. Strategi retorik ini juga mempunyai empat ciri, iaitu kehendak, larangan, ajakan dan harapan (Idris Aman, 2006). Perenggan di bawah menunjukkan beberapa contoh penggunaan strategi retorik ekspresif berserta huraian.

10. **B.31. (a)** Bagi sektor atau perkhidmatan yang tidak disenaraikan sebagai essential services, arahan bekerja dari rumah atau *work from home* akan berkuatkuasa. **(b)** Semua majikan **mesti** mematuhi arahan ini untuk mengurangkan pergerakan di dalam komuniti, terutamanya di kawasan yang berkepadatan tinggi. **(c)** Hanya dengan langkah ini, kita dapat mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di tempat kerja.
11. **A.15 (a)** Kita **tidak boleh** menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi lebih meruncing. **(b)** Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara mengehadkan pergerakan orang ramai. **(c)** Inilah satu-satunya cara untuk kita mengelakkan lebih ramai rakyat negara ini dijangkiti wabak yang boleh meragut nyawa.

12. **B.40. (a)** Saya ingin **mengajak** pemimpin-pemimpin masyarakat atau *community leaders* untuk menjaga dan melindungi komuniti masing-masing daripada menjadi tempat penularan jangkitan COVID-19. **(b)** Anda semua adalah frontliners di dalam komuniti anda dalam perjuangan melawan virus ini. **(c)** Jalinkan kerjasama dengan pejabat kesihatan daerah, klinik-klinik kesihatan komuniti dan juga majlis daerah untuk mendidik warga komuniti anda supaya mereka juga tahu bagaimana cara terbaik untuk mencegah jangkitan COVID-19 ini.
13. **A.16. (a)** Saya **harap** saudara dan saudari dapat bersabar menghadapi dugaan ini. **(b)** Jangan panik, jangan cemas, dan sentiasalah bertenang. **(c)** Saya percaya dengan langkah-langkah sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, kita mampu menyekat penularan wabak ini dalam masa yang terdekat.

Data 10 menunjukkan contoh retorik ekspresif kehendak. Kehendak ini boleh dikenal pasti menerusi modaliti perintah. Modaliti perintah merupakan ujaran yang mengusulkan sesuatu kehendak (Dayang Sariah Abang Suhai et al., 2020). Kehendak ini harus disambut dengan tindakan susulan oleh khalayak sasarannya. Lazimnya, modaliti perintah mempunyai fitur obligasi (+ obligasi) atau komitmen yang diminta dalam ayat (Idris Aman, 2006). Misalnya, pada data 10, penutur telah menggunakan modaliti “**mesti**” dalam ayat (b) untuk mengusulkan kehendaknya kepada majikan. Menurut penutur, semua majikan mesti mematuhi arahan berkerja dari rumah jika syarikat yang dikendalikan oleh majikan tidak tergolong dalam sektor atau perkhidmatan perlu. Kehendak ini mesti dipatuhi untuk mengurangkan pergerakan dalam kalangan komuniti, terutamanya di kawasan yang berkepadatan tinggi. Oleh itu, risiko jangkitan wabak COVID-19 di tempat kerja dapat dikurangkan.

Data 11 menunjukkan contoh retorik ekspresif larangan. Menurut Idris Aman (2006), ekspresif larangan boleh dikenal pasti melalui kata larangan seperti ‘ditegah’, ‘dilarang’, ‘jangan’, ‘usah’, ‘tak usah’ dan ‘tak boleh’. Retorik ekspresif yang bercirikan larangan digunakan untuk mewujudkan maksud perintah yang bersifat larangan kepada sesuatu tindakan atau perkara yang diminta. Misalnya, pada data 11, penutur telah melarang rakyat dan dirinya agar tidak menunggu dengan lebih lama untuk melakukan persiapan sehingga penularan wabak COVID-19 semakin menjadi-jadi. Menurut penutur, tindakan drastik perlu diambil dengan segera untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Satu-satunya cara untuk mengekang penularan wabak ini adalah dengan mengehadkan pergerakan orang ramai. Tindakan ini mampu mengelakkan lebih ramai rakyat di negara ini dijangkiti. Larangan ini boleh dikenal pasti menerusi kata “**tidak boleh**” yang digunakan dalam ayat (a).

Data 12 menunjukkan contoh retorik ekspresif ajakan. Retorik ekspresif ciri ini bertujuan untuk mendorong, merangsang, mempengaruhi, dan menyebabkan berlakunya sesuatu yang diharapkan oleh penutur (Iqbal et al., 2020). Misalnya, pada data 12, penutur telah mengajak pemimpin-pemimpin masyarakat untuk menjaga dan melindungi komuniti masing-masing daripada jangkitan wabak COVID-19. Ajakan ini boleh dikenal pasti menerusi kata “**mengajak**” yang digunakan dalam ayat (a). Pemimpin-pemimpin masyarakat juga telah diibaratkan seperti “*frontliners*”, iaitu petugas barisan hadapan yang menjadi benteng pertahanan daripada ancaman wabak COVID-19. Dalam usaha mengajak pemimpin-pemimpin masyarakat ini melindungi komuniti mereka, penutur turut meminta pemimpin-pemimpin masyarakat ini untuk menjalinkan kerjasama dengan badan-badan kesihatan agar pendidikan tentang cara mencegah wabak COVID-19 dapat diberikan kepada penduduk setempat.

Data 13 menunjukkan contoh retorik ekspresif harapan. Retorik ekspresif ciri ini merujuk kelahiran emosi yang mengharapakan terjadinya sesuatu perkara (Alkhawaldeh, 2021). Misalnya, pada data 13, penutur telah menggunakan kata “**harap**” dalam ayat (a) untuk mengharapakan sesuatu daripada rakyatnya. Berdasarkan ayat tersebut, penutur telah berharap agar rakyatnya dapat bersabar menghadapi penularan wabak COVID-19. Memandangkan ancaman wabak COVID-19 ini merupakan peristiwa yang tidak pernah dilalui sebelum ini, maka harapan yang diberikan dalam ayat (a) turut diselitkan dengan ekspresif larangan dalam ayat (b). Berdasarkan ayat tersebut, penutur melarang rakyatnya agar tidak panik dan cemas. Penutur juga menasihatkan rakyatnya agar sentiasa bertenang. Nasihat ini boleh

dikenal pasti menerusi frasa “*sentiasalah bertenang*” dalam ayat (b). Jika diteliti, kata “*sentiasa*” telah digandingkan dengan partikel “*-lah*” untuk mewujudkan ujaran yang lebih lembut.

Secara keseluruhan, penggunaan keempat-empat strategi retorik dalam teks perutusan khas B lebih tinggi berbanding dengan teks perutusan khas A. Selain disebabkan oleh isi kandungan teks perutusan khas B yang lebih panjang, dominasi penggunaan strategi retorik dalam teks perutusan khas B dilihat bertepatan dengan situasi yang sedang dialami. Sewaktu pelaksanaan PKP yang pertama, kes jangkitan wabak COVID-19 di Malaysia hanya melibatkan lebih kurang 553 orang. Sewaktu pelaksanaan PKP yang kedua, negara telah merekodkan lebih kurang 3027 kes jangkitan sehari. Peningkatan kes jangkitan ini membuatkan rakyat mengharapkan sesuatu tindakan daripada kerajaan. Pada masa yang sama, rakyat dikatakan berada dalam dilema kerana media melaporkan bahawa negara mengalami kerugian sebanyak RM2.4 bilion setiap hari sewaktu pelaksanaan PKP yang pertama (Rafidah Mat Ruzki et al., 2020). Walaupun perintah kali yang kedua ini wajar dilaksanakan untuk mengekang penularan wabak COVID-19, rakyat juga khuatir jika perintah ini akan menyebabkan mereka hilang sumber pendapatan (Suraya Roslan, 2021).

Dengan mengambil kira situasi ini, perutusan yang disampaikan oleh penutur sedikit sebanyak mempengaruhi inti pati teks perutusan khas B. Oleh itu, penutur telah memanfaatkan paling banyak strategi retorik eksplanatori dalam teks perutusan khas B. Penutur memanfaatkan strategi retorik ini kerana penutur perlu memastikan bahawa rakyat tidak berasa ragu-ragu dengan keputusan yang dibuat, khususnya apabila mereka sudah melihat impak PKP yang dilaksanakan pada kali pertama. Dalam erti kata lain, penutur perlu betul-betul berusaha meyakinkan rakyat bahawa PKP yang kedua mesti dilaksanakan. Selain itu, kekerapan penggunaan strategi retorik ekspresif dan argumentatif dalam teks perutusan khas B juga dilihat signifikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua strategi retorik ekspresif dan argumentatif ini berfungsi untuk “memujuk individu untuk melakukan sesuatu yang diharapkan” (Idris Aman, 2006), lebih-lebih lagi apabila penutur ingin memujuk rakyat dan mempertahankan keputusan yang diambil oleh kerajaan. Dalam erti kata lain, penutur menggunakan strategi retorik ekspresif dan argumentatif ini kerana memerlukan kerjasama rakyat untuk memastikan objektif perintah kawalan yang dapat dicapai.

5. Kesimpulan

Rumusannya, kajian ini telah mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan strategi retorik dalam teks perutusan khas PKP. Berdasarkan hasil kajian, penutur telah memanfaatkan empat daripada lima jenis strategi retorik yang dipetik daripada Idris Aman (2006), iaitu ekspositori, eksplanatori, argumentatif dan ekspresif. Strategi ekspositori telah dimanfaatkan untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan wabak COVID-19 secara dasar. Strategi eksplanatori pula dimanfaatkan untuk menerangkan maklumat tentang wabak COVID-19 dengan lebih mendalamnya. Di samping itu, strategi ekspresif digunakan untuk mengajak pendengar menyokong aspirasi menentang ancaman wabak COVID-19. Seterusnya, strategi argumentatif telah digunakan untuk mengemukakan dan mempertahankan pandangannya tentang sesuatu perkara yang bersangkutan paut dengan wabak COVID-19. Penggunaan strategi retorik ini bergantung pada konteks penyampaian. Konteks penyampaian merujuk situasi semasa penularan wabak COVID-19 yang dialami ketika itu. Secara jelas, situasi semasa penularan wabak COVID-19 yang dialami ketika kedua-dua teks perutusan khas disampaikan telah mencorakkan penggunaan strategi retorik. Jumlah kes jangkitan wabak COVID-19 yang tidak begitu tinggi ketika teks perutusan khas A disampaikan tidak membebankan penutur untuk menyampaikan maklumat semata-mata kepada pendengar. Oleh itu, penutur telah memanfaatkan lebih banyak strategi retorik ekspositori dalam teks perutusan khas A. Jumlah kes jangkitan wabak COVID-19 yang tinggi ketika teks perutusan khas B disampaikan telah mendorong penutur untuk menyampaikan maklumat dengan lebih terperinci kepada pendengar. Dalam hal ini, penutur perlu memastikan bahawa segala tindakan yang dibuat mempunyai rasionalnya yang tersendiri dan dapat diterima oleh pendengar. Oleh itu, penutur telah memanfaatkan lebih banyak strategi retorik eksplanatori dalam teks perutusan khas B. Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pemimpin politik untuk merangka teks ucapan, lebih-lebih lagi ketika menguruskan krisis kesihatan sedunia. Hal ini dikatakan demikian kerana kebijaksanaan pemimpin menggunakan bahasa dalam situasi tertentu mampu mempengaruhi dan meningkatkan

kepercayaan khalayak sasaran. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan kefahaman kepada orang awam tentang penggunaan setiap strategi retorik dan fungsi di sebalik penggunaan strategi retorik tersebut. Kefahaman ini berupaya melahirkan rakyat yang peka dengan keadaan sekeliling dan tidak menerima bulat-bulat segala perkara yang dikatakan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Am: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmed, H. R. & Amir, S. (2021). Speech act analysis of the Joseph R. Biden, Jr.'s inaugural address on 20th of January 2021 as the 46th President of the USA. *Electronic Research Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(1), 43-55.
- Alkhawaldeh, A. A. (2021). Persuasive strategies of Jordanian government in fighting COVID-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 274-293. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2101-16>
- Al-Salman, S. & Haider, A. S. (2021). COVID-19 trending neologisms and word formation processes in English. *Russian Journal of Linguistics*, 25(1), 24-42. <https://doi.org/10.22363/2687-0088-2021-25-1-24-42>
- Ain Umaira Md Shah, Syafiqah Nur Azrie Safri, Rathedevi Thevadas, Nor Kamariah Noordin, Azmawani Abd Rahman, Zamberi Sekawi, Aini Ideris & Mohamed Thariq Hameed Sultan. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108–116. <https://doi.org/10.1016/j.ijid.2020.05.093>
- Aminuddin Mansor. (2022, Januari). Retorik dalam bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 22(1), 56-59.
- Awang Sariyan. (2006, Januari). Retorik sebagai alat berbahasa. *Pelita Bahasa*, 18(1), 8-12.
- Bashah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Carreon, J. & Svetanant, C. (2017). What lies underneath a political speech?: Critical discourse analysis of Thai PM's political speeches aired on the TV programme Returning Happiness to the People. *Open Linguistics*, 3(1), 638-655. <https://doi.org/10.1515/opli-2017-0032>
- Combes, M. (2020, Mac 20). Non, nous ne sommes pas en guerre. Nous sommes en pandémie. Et c'est bien assez. *Mediapart*. https://blogs.mediapart.fr/maxime-combes/blog/200320/non-nous-ne-sommes-pas-en-guerre-nous-sommes-en-pandemie-et-cest-bien-assez?utm_source=twitter&utm_medium=social&utm_campaign=twitter
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam wacana perbahasan parlimen. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(4), 186-208. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-11>
- El-Dakhs, D. A. S. (2021). #StayHome – A pragmatic analysis of COVID-19 health advice in Saudi and Australian tweets. *Language and Dialogue*, 11(2), 223-245. <https://doi.org/10.1075/ld.00089.dak>
- Enos, T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetorics*. New York: Sage Publication.
- Ertimi, B., Sarmidi, T., Khalid, N., & Helmi Ali, M. (2022). Movement Control Order policy to prevent the spread of COVID-19 and its impact on quarterly growth and its components in Malaysia: a synthetic control method for policy evaluation. *Asian Economics Letters*. <https://doi.org/10.46557/001c.29950>
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: analisis wacana Mahathir Mohamad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. (2001). *Wacana dan kepimpinan: satu analisis terhadap perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohamad* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Iqbal, Z., Aslam, M. Z., Aslam, T., Ashraf, R., Kashif, M., & Nasir, H. (2020). Persuasive power concerning COVID-19 employed by Premier Imran Khan: A socio-political discourse analysis. *Register Journal*, 13(1), 208–230. <https://doi.org/10.18326/rgt.v13i1.208-230>
- Jamal Hisham Hashim, Mohammad Adam Adman, Zailina Hashim, Mohd Firdaus Mohd Radi & Soo Chen Kwan. (2021). COVID-19 Epidemic in Malaysia: Epidemic progression, challenges and response. *Frontiers in Public Health*, 9. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.560592>
- Jaradat, M. (2022). Persuasion strategies employed by Bill Clinton and Barack Obama in their presidential nomination speeches in 1992 and 2008: A comparative study. *The Jordanian Association for Educational Sciences, Jordanian Education Journal*, 7(1), 33-54.
- Kuße, H. (2021). The linguistic landscape of the coronavirus crisis in foreign language didactics by using the example of German. dlm. M. Vidrevich (pnyntng.), *SHS Web of Conferences* (p. 01001). EDP Sciences. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20219901001>
- Leavy, P. (2014). *The Oxford handbook of qualitative research*. Oxford: Oxford University Press.
- Maisarah Ahmad Kamil & Fatin Fatinah Shamsul Bahrn. (2020). A speech act analysis of the Prime Minister's speech pertaining to the Movement Control Order (MCO) to address the COVID-19 pandemic in

- Malaysia. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(4), 1-13. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v4i4.10888>
- Martin, J. (2016). Capturing desire: Rhetorical strategies and the affectivity of discourse. *The British Journal of Politics and International Relations*, 18(1), 143-160.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff. (2015). *Wacana muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/12359/>
- Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2020). Penghuraian strategi wacana teks ucapan Belanjawan 2019. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 244-263. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-14>
- Muhammad Faizul Abdul Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar & Muhammad Alif Redzuan Abdullah. (2019). Unsur penanda wacana dalam teks ucapan Belanjawan 2019. *Jurnal Bahasa*, 19(1), 41-65.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 10-25.
- Nor Azuwan Yaakob, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normaizura Md Zain & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 54-67.
- Nor Diyana Saupi, Amirah Ahmad & Nurissammimayantie Ismail. (2022). Padanan istilah kesihatan awam berkaitan dengan isu COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 105-128. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no5)
- Nur Hafizah Yusoff & Muhammad Ridhwan Sarifin. (2021). Reaksi masyarakat Malaysia terhadap Perintah Kawalan Pergerakan semasa penularan wabak COVID-19. *Akademika*, 91(2), 69-78. <http://dx.doi.org/10.17576/akad-2021-9102-06>
- Olimat, S. N. (2020). Words as powerful weapons: dysphemism in Trump's COVID-19 speeches. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 26(3), 17-29. <http://doi.org/10.17576/3L-2020-2603-02>
- Pejabat Perdana Menteri (PMO). (2021). Diakses pada 20 Januari 2022 dari <https://www.pmo.gov.my/ucapan/>
- Polyakova, L. S., Yuzhakova, Y. V., Zalavina, T. Y., & Dyorina, N. V. (2020). Linguistic manipulation means in English political discourse. *Amazonia Investiga*, 9(33), 27-36.
- Radiman Junaidi. (2012). *Analisis wacana terhadap ucapan kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi* [Tesis doktor falsafah yang diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://ethesis.upm.edu.my.ezadmin.upm.edu.my/id/eprint/6891/>
- Rafidah Mat Ruzki, Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi, Farah Mashita Ibrahim & Muhammad Yusri Muzamir. (2020, Mei 1). Negara rugi RM2.4 bilion sehari sepanjang PKP. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683813/negara-rugi-rm24-bilion-sehari-sepanjang-pkp>
- Rahayu, R. R., & el Fauziah, U. N. (2021). Speech acts of UK Prime Minister Borish Johnson's speech. *PROJECT (Professional Journal of English Education)*, 4(4), 609. <https://doi.org/10.22460/project.v4i4.p609-616>
- Rajandran, K. (2020). 'A Long Battle Ahead': Malaysian and Singaporean Prime Ministers employ war Metaphors for COVID-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 261-267. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-15>
- Rico, S. & Herrero, Y. (2020, Mac 22). ¿Estamos en guerra?. CTXT. <https://ctxt.es/es/20200302/Firmas/31465/catastrofe-coronavirus-guerra-cuidados-ciudadanos-ejercito-alba-rico-yayo-herrero.htm>
- Sara Beden. (2020, Jun). Retorik Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Majalah Dewan Bahasa dan Pustaka: Sangga Peradaban Negara*, 6(20), 50-55.
- Suraya Roslan. (2021, April 1). Pelaksanaan PKP 3.0 boleh tingkatkan pengangguran. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/695924/pelaksanaan-pkp-30-boleh-tingkatkan-kadar-pengangguran>
- Tang, K. H. D. (2020). Movement control as an effective measure against Covid-19 spread in Malaysia: An overview. *Journal of Public Health*, 30(3), 583-586. <https://doi.org/10.1007/s10389-020-01316-w>
- Tisdall, S. (2020, Mac 21). Lay off those war metaphors, world leaders. You could be the next casualty. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/commentisfree/2020/mar/21/donald-trump-borisjohnson-coronavirus>
- Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Ragam bahasa komen Instagram berkaitan berita palsu situasi gelombang kedua pandemik COVID-19, *PENDETA*, 13(1), 22-32.
- Zulkifley Hamid, Norida Berhan & Kartini Abd Wahab. (2015). Application of rhetorical styles as a determinant of the effectiveness of oral communication in public lectures. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 673-686.